

08/01/1997

Kerajaan sedia agih ekuiti Perwaja

SYARIKAT yang berminat memiliki 49 peratus ekuiti dalam Perwaja Steel Sdn Bhd (Perwaja), yang kini dipegang kerajaan, boleh mengemukakan permohonan untuk mengambil alih saham itu kepada kerajaan.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, pihak Unit Perancang Ekonomi (EPU), di Jabatan Perdana Menteri (JPM) akan menilai setiap permohonan itu.

"Siapa yang berminat boleh mengemukakan permohonan dan EPU buat penilaian. Kalau kemudian dia rasa dia perlu tender, dia tenderlah. Setakat ini, ia diurus oleh EPU," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin bahawa kerajaan bersedia mengagihkan ekuiti Perwaja yang kini dipegangnya.

Mengenai sumber kewangan kerajaan untuk menanggung hutang dan kerugian Perwaja, Anwar berkata, pihaknya sedang berusaha mendapatkan sumber dana itu.

(END)